




AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
Peneraju Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah



2014

LAPORAN TAHUNAN

SIDANG PENGARANG

PENAUNG

Tan Sri Abu Kassim Mohamed

PENASIHAT

Dato' Sri Hj Zakaria Hj Jaffar

PENGERUSI

Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz

KETUA PENGARANG

Zamal Abd Rahman

PENGARANG

Aini Awang Muda
Abdul Malek Abdullah
Hufaidatul Azfa Saffie

URUSETIA PENERBITAN PENGUMPULAN BAHAN

Jaafar Tajuddin
Mohd Amirul Faiz Mohd Fozi
Mohd Shafiq Satar
Firdaus Umar @ Adli
Hufaidatul Azfa Saffie
Mohd Zulfadzly Abdul Jalil
Razmy Zulkifli
Mohd Ihsan Anuar
Affendy Hamad
Normizol Junoh
Norasyikin Abdul Hamid

GRAFIK & REKALETAK

Nur Shahida Azlin Mohd Dee

JURUFOTO

Saidin Omar Muchlis

PEMBACA PRUF


Azlan Abd Aziz

Sidang Pengarang merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua sumbangan dan sokongan sehingga menjayakan penerbitan ini.



Kubikal merah dan biru melambangkan kelestarian dalam memacu pemikiran yang inovatif. Kemahiran dan kepakaran diterjemah melalui kesepaduan tenaga kerja modal insan.

KANDUNGAN



Perutusan Ketua Pesuruhjaya SPRM	2
Tinta Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM	3
Coretan Pengarah MACA	4
Warkah Pengarang	5
Maklumat Korporat Sejarah MACA Visi, Misi, Objektif dan Piagam Pelanggan Kumpulan Sasaran Carta Organisasi Pengurusan MACA	13
Kesungguhan MACA, Keyakinan Antarabangsa	17
Kemahiran Mantap, Operasi Gemilang	25
Pengukuhan Tadbir Urus dan Integriti	35
Modal Insan Cemerlang, Integriti Unggul Menjadi Tunjang	43
Lawatan Dalam dan Luar Negara	67

PERUTUSAN

KETUA PESURUHJAYA SPRM

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang komited dalam pembangunan kapasiti dan kapabiliti modal insan dalam organisasi SPRM. Setelah hampir satu dekad penubuhan, MACA dilihat terus menempa kejayaan demi kejayaan dalam melahirkan modal insan yang berkualiti dan berkelas antarabangsa dalam sektor pencegahan rasuah.

Sambutan memberangsangkan dari dalam dan luar negara dengan sendiri menunjukkan bahawa MACA terus mendapat perhatian dalam penyediaan latihan bagi meningkatkan kemahiran pencegahan rasuah. Perangkaan dari segi jumlah kursus yang ditawarkan dan peningkatan peserta merupakan satu bukti penting bahawa MACA kekal sebagai pusat latihan utama. Penganjuran salah satu modul Program Sarjana Pengajian Pencegahan Rasuah (MACS) di MACA pada Mei 2014 merupakan bukti yang MACA terus diktiraf oleh masyarakat antarabangsa khususnya Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA). Ia satu lagi indikator penting susulan pengiktirafan Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Berkenaan Dadah dan Jenayah (UNODC) pada tahun 2013. Pengiktirafan itu juga membuktikan bahawa MACA mempunyai kemudahan yang holistik dalam menyediakan latihan kepada agensi-agensi pencegahan di seluruh dunia. Kedudukan ini perlu dipertahan dan dikekalkan. Ia satu aset penting bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Malaysia.

Bagi merealisasikan visi dan misi MACA tercapai sebagai hab latihan dan rujukan kepada agensi luar, cadangan-cadangan penambaan dalam pengendalian program latihan di MACA ini adalah berlandaskan kepada pandangan idea dan kajian-kajian yang telah dijalankan. Ruang dan peluang penambaan sentiasa dilakukan oleh MACA.

Dengan kerjasama lebih bersistematik, terancang, bersepadu dan berterusan, MACA telah berjaya meraih keyakinan masyarakat supaya sama-sama membanteras gejala rasuah di Malaysia, seiring dengan matlamat Program Transformasi SPRM. Semoga MACA boleh merealisasikan impian masyarakat Malaysia bebas rasuah menjadi realiti satu hari kelak serta menjadikan SPRM agensi pencegahan rasuah terunggul di dunia.

Selamat Maju Jaya.

Tan Sri Abu Kassim Mohamed

Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



TINTA

KETUA PESURUHJAYA

(PENGURUSAN & PROFESIONALISME) SPRM

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan keizinan-Nya, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) terus mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai hab latihan.

Pada tahun 2014, MACA telah mendapat pengiktirafan serantau dan antarabangsa. Pada pertengahan tahun, MACA telah dipilih sebagai pusat tunggal di luar Vienna, Austria untuk mengadakan Program Sarjana Pengajian Pencegahan Rasuah, yang ditawarkan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA). Manakala di akhir tahun, kedudukan MACA juga telah diiktiraf oleh SEA-PAC sebagai hab latihan dan pusat kecemerlangan pencegahan rasuah yang terbaik di rantau Asia Tenggara.

Pengiktirafan-pengiktirafan seperti ini tidak datang dengan mudah. Ia diperoleh hasil daya dan usaha berpanjangan. Pengiktirafan ini mencerminkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat antarabangsa ke atas MACA, SPRM dan juga Malaysia secara keseluruhan.

Saya amat berbangga dengan kejayaan yang diperoleh dan yakin semua ini adalah atas hasil usaha keras dan komitmen yang ditunjukkan warga MACA di bawah kepimpinan YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz. MACA melaksana dan menjayakan program-program mengikut keperluan dan kehendak semasa bukan sahaja di Malaysia, malah antarabangsa.

Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada MACA kerana hasil kecemerlangan MACA kini semakin terserlah dalam bidang pembangunan dan pembelajaran di persada antarabangsa. Ianya terzahir bila mana United Nations Development Programme (UNDP) turut menggunakan tenaga pakar dari MACA dalam programnya iaitu *integrity curriculum development*.

Pencapaian MACA turut meraih keyakinan banyak negara antaranya Afghanistan, Bhutan, Maldives dan Fiji yang menghantar pegawai-pegawai menjalani latihan atau mengikuti program berprestij seperti *Intelligence Based Investigation (IBI)* dan *Certified Integrity Officer (Celo)*.

Syabas saya ucapkan kepada seluruh warga MACA kerana sentiasa dan secara berterusan memberi komitmen padu dalam mencapai visi dan misi MACA.

Teruskan Kecemerlangan!

Dato' Sri Hj. Zakaria Hj. Jaffar

Timbalan Ketua Pesuruhjaya

(Pengurusan & Profesionalisme)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



CORETAN

PENGARAH

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan limpah kurnia-Nya, dan iltizam yang tinggi oleh warga Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) khususnya sidang redaksi, Laporan Tahunan MACA 2014 berjaya diterbitkan.

MACA terus mengorak langkah mendepani cabaran mendatang melalui pelaksanaan tanggungjawab memperkasa kapasiti dan kapabiliti warga SPRM. Aspek pembangunan dan pembelajaran (L&D) menjadi keutamaan dengan penekanan terhadap kualiti setiap program dianjurkan. Penilaian program menjadi amat penting demi memastikan setiap pelanggan MACA mengecapi matlamat diperlukan.

Laporan Tahunan MACA 2014 merupakan siri penerbitan yang dilakukan secara berterusan demi memastikan lakaran sejarah MACA dapat diabadikan. Catatan yang terkandung dalam laporan ini menampakkan kesungguhan warga MACA dalam menjalankan tugas melatih warga SPRM dan masyarakat tempatan serta antarabangsa. Komitmen warga MACA bukan sekadar tertumpu di arena tempatan malahan telah merentasi sempadan menembusi antarabangsa.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga MACA yang telah mencurahkan bakti menjalankan peranan sepanjang tahun 2014. Berkaitan penghasilan dokumen bersejarah ini, tahniah diucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus memastikan penerbitan Laporan Tahunan MACA 2014 berjalan lancar. Semoga laporan ini menjadi bahan rujukan dan sumber maklumat yang bermakna buat semua kategori masyarakat di peringkat dalam dan luar negara.

Akhir kata, saya berharap agar laporan ini menjadi pencetus dan inspirasi buat semua warga MACA dalam memacu usaha memartabatkan MACA sebagai "Peneraju Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah" serantau dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz

Pengarah

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)



WARKAH PENGARANG

Agenda memperkasa modal insan melalui pengukuhan aspek pengetahuan dan kemahiran menjadi fokus penting MACA. Pengetahuan dan kemahiran merupakan keperluan kepada SPRM dalam menjalankan peranan membanteras rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dari terus berleluasa. Aspek pemantapan etika dan penerapan nilai-nilai murni demi memastikan modal insan berintegriti turut dititikberatkan. Adunan ini penting bagi menetengahkan modal insan berkualiti bagi membawa organisasi melaksanakan fungsi dengan baik demi menjaga Negara.

Laporan Tahunan MACA 2014 merungkai peranan dan tanggungjawab MACA memastikan modal insan SPRM berkualiti. Peranan MACA bukan hanya tertumpu kepada warga SPRM malahan warga agensi awam, swasta serta antarabangsa. Secara ringkas, laporan tahunan ini mengandungi lima Bahagian yang menyorot kembali kegigihan MACA dalam aspek pembangunan dan pembelajaran.

KEYAKINAN ANTARABANGSA

Masyarakat antarabangsa memandang MACA sebagai satu entiti unggul dalam bidang latihan berkaitan Pencegahan Rasuah. Semasa Mesyuarat Negara Anggota Asia Tenggara Memerangi Rasuah (SEA-PAC) kali ke-10 di Kuala Lumpur pada 1 hingga 3 Disember, MACA telah diiktiraf sebagai hab latihan Pencegahan Rasuah bagi rantau Asia Tenggara. Selaras dengan itu, MACA bakal menyediakan program kepimpinan untuk ahli SEA-PAC. Selain itu, MACA turut menerima pengiktirafan melalui mandat bagi melaksanakan Modul Keenam Program Sarjana Pengajian Pencegahan Rasuah (MACS), Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA). Modul dikendalikan oleh beberapa tenaga pakar terkemuka membabitkan 26 peserta dari 17 negara.

Selain pengiktirafan itu, keupayaan MACA dalam bidang latihan turut menjadi tumpuan dan menarik minat negara lain. Teknik *Intelligence Base Investigation* (IBI) sebagai amalan terbaik SPRM dalam membanteras rasuah dikongsi bersama dengan negara lain seperti Kemboja, Taiwan, Sri Lanka, Indonesia, Brunei Darussalam, Fiji, Timor Leste, Bhutan, Thailand, Palestin dan Botswana. Bahagian Perisikan selaku *Subject Matter Experts* (SME) berkongsi kepakaran dengan peserta dari negara-negara tersebut.

MACA mengorak langkah merentas sempadan untuk mengembangkan kepakaran. Program penghantaran tenaga pakar dilaksanakan ke beberapa negara seperti Maldives, Fiji, Bhutan dan Nepal sebagai langkah perkongsian bestari dalam mengukuhkan kerjasama. Perkongsian kepakaran MACA meliputi:

Negara	Bidang Perkongsian
Maldives	<i>Training Workshop on Corruption Investigation and Prevention</i> membabitkan 49 pegawai Maldives.
Fiji	<i>Corruption Prevention and Community Education</i>
Bhutan	Penyediaan SOP dan penggunaan peralatan teknikal; dan Program Latihan Etika dan Integriti membabitkan penjawat awam Bhutan.
Nepal	Peningkatan kapabiliti pegawai dalam aspek penyiasatan dan pendakwaan



Selain tenaga pakar, MACA turut diintai secara dekat melalui kunjungan beberapa agensi antarabangsa. Berdasarkan rekod, sebanyak lapan agensi telah melawat MACA bertujuan untuk mempelajari amalan terbaik dalam pemerksaan modal insan serta mencungkil keunggulan MACA dalam pelaksanaan pembangunan dan pembelajaran. Di samping itu, MACA dijadikan suatu penanda aras dalam aspek latihan yang boleh dijadikan contoh bagi membangun dan mewujudkan institusi latihan di negara mereka. Antara delegasi antarabangsa yang mengunjungi MACA adalah:



ANTI-CORRUPTION
COMMISSION OF ZAMBIA



GOVERNMENT INSPECTORATE
OF VIETNAM



ANTI-CORRUPTION
COMMISSION OF TIMOR LESTE



INTERNATIONAL GRADUATE
SCHOOL OF LEADERSHIP
Building Leaders for Transformation

RIPA INTERNATIONAL



**TRANSPARENCY
INTERNATIONAL**
the coalition against corruption

Sungguhpun MACA memainkan peranan yang aktif di luar negara, tanggungjawab memantapkan modal insan warga SPRM tidak pernah diabaikan. Pembangunan kapasiti dan kapabiliti warga kerja SPRM diberi perhatian lebih serius melalui pelaksanaan pelbagai latihan.

PENGUKUHAN KEMAHIRAN BIDANG OPERASI

Arus perkembangan semasa khususnya kepesatan teknologi menjadi suatu bentuk cabaran yang perlu dihadapi setiap agensi penguatkuasa. Dalam hal ini, MACA bertanggungjawab menganjurkan program bersesuaian untuk melengkapkan modal insan dengan kemahiran yang tinggi. Pembanterasan jenayah rasuah menjadi semakin sukar dan perlu dilakukan menggunakan kaedah bersesuaian dengan arus semasa. Justeru, MACA memberi fokus latihan kepada bidang kewangan swasta. Penganjuran program dilakukan secara kerjasama dengan membabitkan agensi penting lain mengikut kepakaran iaitu Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan Petronas.

Selain itu, bidang forensik turut menjadi tumpuan seiring dengan inisiatif transformasi. Penganjuran kursus forensik elektrik dan mekanikal serta forensik minyak dan gas menjadi bukti kesungguhan MACA dalam menyediakan pengetahuan dan kemahiran buat warga SPRM. Kedua-dua bidang tersebut merupakan bidang baru yang dijayakan oleh MACA bersesuaian dengan keperluan arus perkembangan semasa. Dalam mendokong agenda transformasi operasi, MACA terlibat secara langsung memastikannya berjalan lancar. Pengurusan Penyiasatan Berpasukan (MTI) merupakan antara elemen utama dalam memastikan perjalanan operasi dilakukan dengan lancar. Mengikut rekod, seramai 110 pegawai siasatan telah menjalani latihan berkaitan MTI dengan jayanya. Matlamat MTI adalah untuk memastikan sesuatu siasatan dilaksanakan dengan cepat dan profesional.

Di peringkat domestik, MACA juga mendapat perhatian agensi tempatan dalam negara sama seperti di peringkat antarabangsa. Pelbagai agensi luar telah mendapatkan latihan dari MACA sebagai langkah mengukuhkan profesionalisme pegawai mereka khususnya dalam bidang siasatan. Beberapa kursus yang dijalankan digubal modulnya secara teliti oleh MACA mengikut keperluan agensi terbabit. Kursus sedemikian dikenali sebagai *tailor made* dan menjadi ukuran keupayaan sesebuah institusi latihan. Kesan pelaksanaan program latihan berkonsep *tailor made* ini berjaya membantu sesebuah agensi menutup jurang kemahiran yang wujud dalam kalangan pekerja secara menyeluruh.

Menyedari kepentingan bidang perisikan sebagai pemangkin dalam kejayaan sesuatu operasi, perhatian serius terhadap aspek latihan berkaitan dirancang dengan rapi. Bagi memperkasa bidang perisikan, dua latihan berkaitan teknologi dijalankan iaitu teknologi i2 dan *Remote Sensing and Geography Information System (GIS)*. Kedua-duanya mendedahkan pegawai perisikan dengan teknologi terkini dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab.

Mengenai bidang undang-undang pula, pendedahan terhadap aspek komersial ditekankan. Pelaksanaan latihan dijalankan membabitkan tenaga pakar dari universiti tempatan seperti Univesiti Malaya dan Universiti Teknologi Mara. Pendedahan meluas terhadap aspek perbankan, kontrak, undang-undang syarikat dan pemakaian keterangan berkaitan dengannya

didedahkan kepada peserta dengan meluas. Aspek latihan selain bidang swasta berjalan seperti biasa mengikut perancangan Kluster Penyiasatan, Kluster Perisikan dan Kluster Pendakwaan dan Perundangan. Pendedahan terhadap aspek swasta menjadi fokus sejajar transformasi operasi SPRM. Tuntutan itu menjadi cabaran yang digalas MACA dalam memastikan modal insan SPRM terus ulung selari arus perdana. Keupayaan bidang operasi sebagai tonggak SPRM dipandang serius. Namun, pemerkasaan bidang lain turut dirancang dengan rapi sebagai pelengkap kepada pengukuhan bidang operasi yang dijalankan dari semasa ke semasa.

PEMERKASAAN MODAL INSAN

Modal insan merupakan aset yang amat bermakna buat SPRM. Aspek kepimpinan ibarat nadi untuk menempuh kejayaan. Keupayaan menggerakkan sumber yang ada untuk mencapai matlamat organisasi merupakan ukuran keunggulan seseorang pemimpin. Teras yang mendasari kepimpinan dalam organisasi SPRM adalah integriti. Justeru, latihan kepimpinan berteraskan integriti telah dirangka meliputi pelbagai lapisan atau peringkat berikut:



Bagi warga baru SPRM, Kursus Latihan Asas merupakan kursus wajib yang perlu diikuti. Keupayaan MACA dalam membangunkan modal insan berkualiti turut dinilai melalui kejayaan penganjuran kursus ini. Seramai 166 pegawai baru berjaya dilatih sepanjang tahun 2014 membabitkan tiga siri kursus iaitu Siri 15, Siri 16 dan Siri 17. Perkara unik dan menarik mengenai perjalanan kursus ini ialah mengenai keupayaan menjalankannya menggunakan tenaga warga MACA sendiri.

Melalui kursus ini juga, SPRM dikenali masyarakat melalui siri Program Anak Angkat yang dijalankan membabitkan peserta di beberapa kawasan. Peserta kursus telah didedahkan untuk mendekati masyarakat sebelum menempuh alam penugasan. Pendedahan awal telah mendidik peserta untuk berinteraksi dengan masyarakat dan membawa mesej kemanusiaan yang jelas iaitu menghindari rasuah. Program ini merupakan modul pemerkasaan modal insan yang amat penting kerana penerapan nilai-nilai yang amat tinggi dimulai dengan semangat berpasukan yang tinggi untuk menjayakannya, mendokong integriti dan menyebarkan mesej menghindari rasuah.

Berkaitan dengan pembangunan modal insan juga, MACA bukan sahaja mementingkan peningkatan kapasiti dan kapabiliti peserta program tetapi juga pegawai MACA sendiri. Warga MACA turut terbabit dalam meningkatkan kemahiran agar berupaya melaksanakan latihan dengan sempurna. Sebagai contoh, latihan kecergasan fizikal dilaksanakan membabitkan jurulatih MACA. Program kecergasan yang dijalankan di Sabah berakhir dengan kemuncak mendaki Gunung Kinabalu.

Dalam memastikan tenaga pengajar berkualiti dan seiring dengan institusi lain, MACA menyediakan ruang latihan yang terbuka. MACA menyediakan peruntukan kewangan mencukupi bagi menghantar tenaga pengajar menyertai latihan yang dianjurkan penyedia latihan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Sebanyak 11 siri latihan dalam Negara membabitkan kira-kira 70 orang tenaga pengajar MACA. Manakala tiga tenaga pengajar MACA pula dihantar mengikuti latihan di luar negara. Pemerkasaan modal insan bukan semata-mata tertumpu kepada dalaman SPRM sahaja. Tanggungjawab ini turut dilaksanakan MACA membabitkan agensi awam dan swasta yang memerlukan. Keupayaan MACA terus diintai oleh organisasi lain yang dapat dilihat melalui penyertaan dalam program MACA.



PENGUKUHAN KELESTARIAN INTEGRITI

Agenda memperkasa integriti amat dititikberatkan dan keupayaan MACA tidak dapat disangkal lagi. MACA selaku hab latihan integriti yang diiktiraf turut memainkan tanggungjawab melatih agensi swasta. Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) merupakan program ulung yang menyatukan penyertaan sektor awam dan swasta. Program ini menjadi wadah dalam menyatukan kerjasama dan membuka ruang rangkaian kerjasama dalam kalangan peserta yang mempunyai latar belakang berbeza. Sepanjang tahun 2014, sebanyak lima siri program telah dijalankan membabitkan 152 peserta.

Penglibatan sektor swasta dalam latihan dianjurkan MACA berkait rapat dengan kepakaran dan kepercayaan terhadap MACA. Sektor korporat terkenal seperti Petronas, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menghantar peserta untuk menjalani siri latihan di MACA. Di pihak sektor awam pula, Kerajaan Negeri Kelantan menjadi agensi negeri pertama menggunakan khidmat MACA dalam melatih pegawainya berkaitan integriti.

FAKTA KEJAYAAN 2014

Pemerkasaan modal insan amat berkait rapat dengan aspek latihan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005. Peranan MACA yang utama adalah memastikan setiap warga SPRM menghadiri sekurang-kurangnya tujuh hari kursus dalam setahun. Pencapaian MACA dianggap cemerlang apabila mendapat penghargaan dari Jabatan Perdana Menteri kerana bilangan warga SPRM yang cukup tujuh hari kursus mencapai 92.67 peratus. Angka ini merupakan pencapaian tertinggi berbanding tahun sebelumnya iaitu hanya 89 peratus.

Berdasarkan statistik, seramai 4,237 peserta telah mengikuti 133 program latihan dianjurkan oleh MACA. Berkaitan bilangan peserta itu, seramai 629 peserta adalah dari agensi awam, 614 dari sektor swasta, 228 peserta antarabangsa dan 2703 lagi warga SPRM. Pencapaian keseluruhan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) MACA yang dikeluarkan oleh Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan ialah 97.29 peratus.

91

Kursus telah dirancang
berdasarkan analisis
keperluan latihan (TNA)

88

@ 96.7% kursus dirancang
telah dilaksanakan & 3 @
3.3% digugurkan

45

Kursus keperluan semasa
yang dilaksanakan (ganti
kursus digugurkan)


4237

Bilangan peserta kursus
bagi tahun 2014


92.67%

Pegawai SPRM yang cukup
7 hari kursus





KATEGORI PESERTA SPRM



- KUMPULAN PELAKSANA
- PENGURUSAN & PROFESIONAL
- JUSA

LAPORAN PENCAPAIAN KPI (PENGURUSAN) 2014

KELOMPOK	DIMENSI PRESTASI	WAJARAN	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUSAN	MARKAH
Tanggungjawab bersama Jabatan	Kesan Kepada Masyarakat / Ekonomi/ Organisasi/ Perkhidmatan & Tadbir Urus dan Akauntabiliti	15	Tahap Keyakinan Masyarakat Terhadap SPRM	68%	67.80%	99.71%	93.07%
			Pengiktirafan Antarabangsa Terhadap SPRM	71%	100%	100%	
			Pencapaian NKRA/MKRA	90%	60.17%	66.86%	
			Pencapaian Inisiatif RMK 10	90%	98%	100%	
			Pencapaian Tadbir Urus dan Akauntabiliti	90%	88.89%	98.77%	
Aktiviti Bahagian Secara Spesifik	Penyampian Fungsi Utama dan Penambahbaikan Proses	48	Pelaksanaan 7 Hari Berkursus	90%	93.02%	100%	96.58%
			Program Latihan Untuk Agensi Tempatan dan Antarabangsa	7 Program	24 Program	100%	
			Pentauliahan Kepada Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)	60 Orang	100 Orang	100%	
			Pengurusan Aset	90%	77.70%	86.33%	
		32	Kajian Pemantapan Pembelajaran dan Pembangunan	4 Kajian	4 Kajian - 100%	100%	
			Program Latihan Kepimpinan	6 Program	7 Program	100%	
			Pelaksanaan Program Latihan Yang Dirancang	85%	96.70%	100%	
Keberkesanan Peribadi	Kepimpinan Transformasi Agensi	5	Penilaian oleh Pegawai Atasan / Rakan Sejawat / Pegawai	90%	100%	100%	100%

PETUNJUK PENCAPAIAN

BT	OT	ET	ST
<75%	75% - <85%	85% - <95%	ST

KAEDAH PENGUKURAN

$$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times 100 = \% \text{ Pencapaian}$$

$$\frac{\text{Markah Pencapaian}}{100} \times \text{Wajaran} = \text{Skor KPI}$$

STATUS PENCAPAIAN

KELOMPOK	WAJARAN	MARKAH	SKOR	STATUS
BERSAMA	15	93.07%	13.96	ET
SPEKIFIK (P)	48	96.58%	46.36	ST
SPEKIFIK (A)	32	100%	32.00	ST
PERIBADI	5	100%	5.00	ST
KESELURUHAN	100		97.32%	ST

Nota : Skor keseluruhan semasa adalah jika mengambil kira skor kelompok 3 mencapai markah 100%

MENDEPANI CABARAN

Bagi tahun 2015, pihak pengurusan tertinggi SPRM telah menetapkan sasaran keyakinan masyarakat sebanyak 70%, dengan menggunakan empat strategi berimpak iaitu (1) *Manage High Profile/ Public Interest Cases Effectively*; (2) *Managing issues Effectively*; (3) *Strategic Engagement with Opinion Leaders (Political & NGO)*; dan (4) *Effective Engagement with Private Sectors*.

Berdasarkan ketetapan dan hala tuju SPRM tersebut, MACA memainkan peranan yang amat besar sebagai pendokong empat strategi berkenaan. Walaupun MACA tidak secara langsung dipotretkan dalam empat strategi yang digariskan, namun MACA adalah landasan yang berperanan memacu kepada pencapaian kejayaan strategi tersebut melalui tanggungjawab menyediakan modal insan berwibawa. Selain peranan setiap bahagian dalam SPRM, peranan MACA adalah jelas dan kejayaan empat strategi tersebut berkait rapat dengan pembangunan kapasiti dan kapabiliti warga SPRM yang menjadi peranan utama MACA.

Setiap kluster di MACA adalah bertanggungjawab secara langsung dalam bibit-bibit pemerksaan dan penguatan warga SPRM. Peranan untuk menitipkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang operasi, pencegahan serta pengurusan dan profesionalisme berteraskan integriti merupakan tanggungjawab yang perlu digalas MACA. Bagi memastikan hasrat itu tercapai, MACA perlu memastikan pembelajaran menggunakan kaedah terkini setanding penyedia latihan antarabangsa. Selaras itu, MACA telah membentuk *MACA Design and Development Committee (MDDC)* bagi memastikan setiap program dilaksanakan menepati standard kualiti dan dilaksanakan mengikut keperluan sesuatu program.

Secara keseluruhannya, MACA sentiasa komited dalam melontarkan khidmat bakti. Segala bentuk perkhidmatan yang diberikan warga MACA adalah yang terbaik mengikut kemampuan. Sepanjang penubuhan MACA yang hampir mencapai usia satu dekad, MACA telah mengharungi cabaran dengan penuh cecal dan memberi yang terbaik kepada setiap pelanggannya.

Akhir kata, sidang redaksi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Laporan Tahunan MACA 2014 ini khususnya warga kerja Kluster Perancangan Penyelidikan dan Korporat. Semoga komitmen dan semangat jitu yang diberi oleh setiap warga MACA pada tahun 2014 akan diteruskan pada tahun 2015 dengan penuh keikhlasan.

Zamal Abd Rahman

Ketua Pengarang



MAKLUMAT KORPORAT

Sejarah MACA

Penubuhan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa menghadiri '4th Steering Committee Meeting ADB-OECD Anti-Corruption Initiative for Asia and Pacific' pada 3 Disember 2003 di Kuala Lumpur. Secara umumnya MACA diharap akan menjadi pusat serantau bagi usaha-usaha meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam pambanterasan rasuah.

Pelbagai institusi dan pertubuhan antarabangsa telah menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam menyediakan tenaga pengajar, pakar untuk merangka dan mengendalikan kursus, latihan, seminar, dan bengkel setiap tahun terutamanya di rantau Asia-Pasifik dalam pambanterasan jenayah rasuah. Ini boleh dilaksanakan melalui hubungan dua hala dan pelbagai hala (*bilateral and multilateral*) dengan agensi-agensi penguatkuasa pencegahan rasuah serantau seperti ICAC Hong Kong, FBI, BMR Brunei Darussalam, KICAC (Republic of Korea), Indonesia, CPIB Singapura, Thailand dan lain-lain lagi. Melalui pelbagai program yang dirancang adalah diharapkan MACA akan muncul sebagai pusat pembelajaran dan latihan terpenting di rantau Asia.

Penubuhan MACA ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Hasrat tersebut mampu dicapai melalui penyediaan latihan dalam perkhidmatan meliputi modul penyiasatan, pendakwaan, perisikan, pendidikan masyarakat, pemeriksaan dan perundingan, tatacara kerja, pengurusan dan kewangan, keselamatan, kepimpinan, latihan kejurulatihan (*training of trainers*), teknologi maklumat serta pengajian bahasa terutamanya Bahasa Inggeris.

Visi

Menjadi sebuah pusat kecemerlangan pencegahan rasuah bertaraf serantau dan antarabangsa.

Misi

- Menerajui pembangunan modal insan SPRM secara dinamik, progresif dan berterusan;
- Meningkatkan kapasiti dan kapabiliti sektor awam dan swasta dalam usaha pencegahan rasuah melalui perkongsian bestari; dan
- Menjalinkan rangkaian perkongsian strategik di peringkat antarabangsa melalui program latihan pencegahan rasuah.



Objektif

- Memantapkan kebebasan, ketelusan dan profesionalisme pegawai SPRM di dalam melaksanakan tugas;
- Mengukuhkan integriti dan akauntabiliti pegawai SPRM melalui program latihan yang berkesan dan berterusan;
- Melatih modal insan sektor awam bagi meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam usaha pencegahan rasuah;
- Meningkatkan program latihan pencegahan rasuah melalui perkongsian bestari bersama sektor swasta;
- Memperluaskan usahasama (*Collaboration*) dan kerjasama (*Cooperation*) dengan agensi penguatkuasaan, institusi latihan dan badan-badan antarabangsa; dan
- Menganjurkan program pembangunan kapasiti dan Kapabiliti bagi masyarakat global.

Piagam Pelanggan

Kami berjanji merancang dan melaksanakan program latihan yang berkualiti dan menepati keperluan pelanggan dengan:

- Menyampaikan maklumat program latihan kepada pelanggan sekurang-kurangnya dua (2) minggu untuk program domestik dan tiga (3) bulan bagi program antarabangsa sebelum kursus bermula;
- Melaksanakan sekurang-kurangnya 90% daripada program latihan yang dirancang setiap tahun;
- Menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) kajian setahun;
- Menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan setahun;
- Menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) konsultasi berbentuk latihan setahun;
- Menyediakan laporan penilaian program latihan yang dilaksanakan selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tamat program; dan

Kumpulan Sasaran

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia mensasarkan latihan dan program pencegahan rasuah kepada para peserta dari dalam dan luar negara. Penglibatan 4 kumpulan sasaran ini mencerminkan peranan MACA sebagai institusi latihan khusus dalam pencegahan rasuah. 4 kumpulan sasaran MACA tersebut:

Pegawai-Pegawai SPRM

MACA adalah entiti di bawah SPRM yang bertanggungjawab untuk menyediakan latihan yang mencukupi kepada semua pegawai dan kakitangan SPRM dalam meningkatkan keupayaan diri dalam melaksanakan tugas dengan cekap dan profesional. Bidang-bidang latihan yang ditawarkan merangkumi "core business" secara komprehensif serta bidang-bidang lain seperti pengurusan, keselamatan seumpamanya.

Jabatan / Agensi Kerajaan dan Agensi Penguatkuasaan Tempatan

Selaras dengan agensi kerajaan untuk mewujudkan "Perkhidmatan Awam Bertaraf Dunia". MACA menawarkan program latihan untuk agensi kerajaan khusus dalam bidang pencegahan rasuah. Program-program yang disediakan adalah berkualiti dan berupaya melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran.

Sektor Swasta

MACA menyediakan platform kepada sektor swasta seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan badan-badan korporat dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam bidang pencegahan rasuah, integriti dan tadbir urus terbaik.

Peserta Dari Organisasi Antarabangsa Dan Agensi Penguatkuasaan Antarabangsa

MACA mengorak langkah menuju ke arena global dalam bidang latihan pencegahan rasuah di mana MACA menawarkan program-program latihan yang berkualiti khusus untuk peserta luar negara dari pelbagai organisasi dan agensi penguatkuasaan. Semua program latihan yang ditawarkan menepati kehendak semasa selaras dengan undang-undang dan amalan terbaik. Program latihan juga boleh direkabentuk mengikut keperluan di peringkat antarabangsa.

Pengurusan MACA



PENGARAH
TPj Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz



TIMBALAN PENGARAH
PKPj Thilagavathy a/p S. Thamboo



KETUA KLUSTER
PENGAJIAN ANTARABANGSA
PKPj Abdul Razak Hamzah



KETUA KLUSTER
LATIHAN ASAS
P/PPKj Zuhairie Abu Bakar



KETUA KLUSTER
KECEMERLANGAN
KEPIMPINAN SPRM
P/PPKj Rasidah Abdul Karim



KETUA KLUSTER
PERANCANGAN,
PENYELIDIKAN & KORPORAT
PPj Zamal Abd Rahman



KETUA KLUSTER
PENYIATAAN
PPj Zarizal Ahmad



KETUA KLUSTER
PERUNDANGAN & PENDAKWAAN
PPj Rosnan Mohd Ali



KETUA KLUSTER
PERISIKAN
PPj Sukhairul Hashim



KETUA KLUSTER
PENCEGAHAN RASUAH &
PENGURUSAN
PsK Zulkefli Zainal Abidin



KETUA KLUSTER
PEMBANGUNAN
INTEGRITI KORPORAT
PsK Farah Najwa Abdul Aziz



KETUA KLUSTER
MACA WILAYAH TIMUR
PsK Zakaria Taib



KETUA KLUSTER
PENGURUSAN
En. Azlan Abdul Samat



**KEUNGGULAN MACA
KEYAKINAN ANTARABANGSA**

MACA berjaya meningkatkan tahap keyakinan komuniti antarabangsa melalui penganjuran kursus-kursus dan perkongsian tenaga pakarnya ke luar negara. Penganjuran dan penglibatan Malaysia dalam mesyuarat antarabangsa seperti Mesyuarat Negara Anggota Asia Tenggara Memerangi Rasuah (SEA-PAC) tahun lalu menunjukkan pengiktirafan terhadap sumbangan penting Malaysia, khususnya MACA dalam hab latihan pencegahan rasuah bagi rantau Asia Tenggara.

Tambahan kepada itu, MACA menghantar *Subject Matter Expert* ke negara-negara seperti Maldives, Fiji, Bhutan dan Nepal. Program penghantaran tenaga pakar ke luar negara sepanjang tahun kajian ini dilihat sebagai keyakinan antarabangsa dan satu cara perkongsian bestari dalam mengukuhkan kerjasama antara kedua-dua negara.

SEA-PAC Iktiraf MACA Sebagai Hab Latihan Pencegahan Rasuah Rantau Asia Tenggara

Mesyuarat SEA-PAC Kali Ke-10 yang berlangsung di Kuala Lumpur dari 1 hingga 3 Disember telah mengiktiraf MACA sebagai hab latihan pencegahan rasuah bagi rantau Asia Tenggara. Mesyuarat telah diberi satu taklimat di bawah tajuk *MACC Integrity Based Leadership* oleh Puan Faridah Hanim Haron, Ketua Pembangunan Strategik dan Kepimpinan SPRM. Hasilnya, SEA-PAC yang dianggotai Malaysia, Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Laos dan Vietnam, dalam kenyataan bersama telah mengiktiraf usaha-usaha SPRM dalam menjadikan MACA sebagai hab latihan pencegahan rasuah di rantau Asia Tenggara dan bersetuju mempertimbangkan idea supaya MACA menyediakan Program Kepimpinan untuk anggotanya.

Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan kerana MACA sebagai hab latihan turut diiktiraf oleh Pejabat PBB Berkenaan Dadah dan Jenayah (UNODC) pada tahun 2013. MACA layak diiktiraf kerana modul pembelajaran yang ditawarkan melahirkan generasi pencegah rasuah bertaraf antarabangsa selari dengan cogan kata Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah.



1 YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM mempengerusikan mesyuarat SEA-PAC.

2 Antara peserta mesyuarat SEA-PAC di Kuala Lumpur.

Perkongsian Pendekatan IBI Dalam Menangani Rasuah Secara Global

Kaedah *Intelligence Based Investigation* (IBI) atau siasatan berasaskan perisikan dilihat sebagai salah satu pendekatan yang terbukti mampu memberi kejayaan dalam usaha untuk membanteras jenayah rasuah secara global. Kursus IBI yang dilaksanakan sebanyak tiga kali mulai tahun 2012 memberi fokus kepada pengurusan pegawai *undercover* yang diajar secara praktikal.

Malaysia juga telah diiktiraf oleh UNODC sebagai sebuah negara yang mempunyai 23 kejayaan dan amalan terbaik dalam sektor pencegahan rasuah. Salah satu usaha amalan terbaik tersebut adalah penggunaan kaedah IBI. Konsep IBI bukan sahaja diguna pakai untuk penyiasatan sesuatu kes secara domestik, malahan turut boleh diguna pakai apabila melibatkan penyiasatan merentasi sempadan, melibatkan dua atau lebih negara.



Peserta Kursus IBI mendengar penerangan dari pegawai SPRM

Antara negara yang menghantar pegawai pencegahan rasuah mereka untuk mengikuti Kursus IBI ialah Kemboja, Taiwan, Sri Lanka, Indonesia, Brunei Darussalam, Fiji, Timor Leste, Bhutan, Thailand, Palestin dan Botswana. Setakat 2014, seramai 35 peserta telah mengikuti Kursus IBI. *Subject Matter Expert* dari Bahagian Perisikan SPRM turut bekerjasama dalam berkongsi teknik-teknik yang diguna pakai, antaranya penggunaan sistem maklumat berpusat secara atas talian dan perisian perisik. Di samping itu, peserta kursus telah didedahkan dengan latihan dalam penggunaan ejen provokator dalam operasi *undercover*. Teknik IBI dilihat menjadi salah satu kaedah yang menyumbang kepada kejayaan dalam membanteras rasuah secara global. Dalam operasi Ops Jarum pada 2010, SPRM dan Biro Mencegah Rasuah Brunei Darussalam telah berjaya membongkar kes penyeludupan diesel dari Brunei ke Malaysia.



YBhg. Dato' Azam Baki, Pengarah Bahagian Perisikan SPRM bersama peserta-peserta kursus IBI

MACA Kembang Kepakaran Latihan Ke Luar Negara

MACA kini mengembangkan kepakaran di persada dunia dengan menghantar *Subject Matter Expert* ke negara-negara seperti Maldives, Fiji, Bhutan dan Nepal. Program penghantaran tenaga pakar ke luar negara ini dilihat sebagai satu cara perkongsian bestari dalam mengukuhkan kerjasama antara Malaysia dan negara penerima.

MACA menyelaras dan menghantar tenaga pakar SPRM ke negara-negara berkenaan, terutamanya dalam bidang siasatan, perisikan, perundangan serta etika dan integriti. Selain mempromosikan MACA sebagai hab latihan dalam pencegahan rasuah, penghantaran tenaga pakar ke luar negara dilihat sebagai satu pengiktirafan antarabangsa ke atas kemampuan MACA dalam perkongsian ilmu demi membanteras rasuah secara global. Maldives memohon MACA untuk menghantar tenaga pakar untuk memberi latihan kepada seramai 49 pegawai dalam *Training Workshop on Corruption Investigation and Prevention*. Dalam program tersebut, tenaga pakar yang terdiri daripada KPKPj Samat Kasah, KPKPj Idris Zaharudin dan PKPj Abdul Razak Hamzah dan Encik Kanakaraja Mutuhusamy telah berkongsi pengetahuan dan kemahiran mengenai aktiviti penyiasatan, perundangan dan pencegahan rasuah.

Selain Maldives, Fiji juga telah mendapatkan khidmat tenaga pakar SPRM. Fokus kepakaran yang diminta adalah mengenai *Corruption Prevention dan Community Education*. MACA telah menghantar KPKPj Ganason S. Periathamby, KPKPj Samat Kasah dan PPj Mohan Munusamy untuk berkongsi pengetahuan dalam aspek pencegahan rasuah dalam program latihan berkenaan. Dalam memperhebat usaha perkongsian pengalaman dan kepakaran dengan negara-negara membangun yang lain, MACA turut mendokong objektif *South-south Cooperation* menerusi *Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP)*. Dua program telah diadakan di Bhutan dan Nepal. Program ini merupakan sebahagian daripada komitmen Malaysia ke arah mempromosikan kerjasama teknikal di negara-negara membangun bagi memperkukuhkan kerjasama serantau dan sub-serantau serta memupuk sifat berdikari negara-negara terlibat. Di bawah MTCP, MACA telah menghantar enam tenaga pakar termasuk Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato' Sri Hj. Zakaria Hj. Jaffar dan Pengarah MACA, Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz.

Di Bhutan, SPRM telah membantu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Bhutan dalam penyediaan latihan prosedur operasi standard (SOP) dan penggunaan peralatan teknikal terkini dalam aktiviti perisikan. Selain itu, turut dikongsi ialah Program Latihan Etika dan Pengurusan Integriti. Malah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Bhutan juga telah meminta MACA untuk menghantar tenaga pakar bagi membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penjawat-penjawat awam Bhutan berkaitan modul etika dan integriti berdasarkan konteks Malaysia. Dalam pada itu, penghantaran tenaga pakar ke Nepal pula adalah untuk mewujudkan kerjasama antara SPRM dan Suruhanjaya Penyiasatan Salah Guna Kuasa Nepal (CIAA). Kerjasama ini memfokus kepada usaha meningkatkan kapabiliti pegawainya. Pegawai CIAA Nepal turut dilatih dalam aspek penyiasatan, pendakwaan, analisis perundangan, fakta dan amalan kehakiman dalam kes-kes rasuah, hubungan antara penyiasatan dan pendakwaan, termasuk penyediaan kertas pertuduhan. Pelbagai latihan dijalankan bagi memberi kefahaman kepada peserta. Kemahiran teknik penyiasatan dan perundangan yang diguna pakai di Malaysia juga dikongsi bersama.



YBhg. Dato' Sri Hj. Zakaria Hj. Jaffar, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) bersama YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA dalam sesi latihan penyediaan SOP di Bhutan.

Program MACS Tambah Pengiktirafan Antarabangsa Kepada MACA dan SPRM

MACA terus menempa pengiktirafan di persada antarabangsa apabila diberi mandat untuk menjadi tuan rumah Program Sarjana Pengajian Pencegahan Rasuah (MACS). Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA) yang beribu pejabat di Vienna, Austria telah memilih MACA sebagai lokasi untuk mengendalikan modul keenam MACS iaitu Modul Penguatkuasaan. Modul ini berlangsung dari 12 hingga 23 Mei di mana ia telah diikuti oleh 26 peserta dari 17 negara, yang terdiri daripada anggota agensi penguat kuasa, badan-badan bukan kerajaan serta anggota pentadbiran kerajaan. Pemilihan MACA merupakan satu lagi pengiktirafan ke atas SPRM dan Malaysia. Pada tahun 2013, kedudukan MACA sebagai pusat latihan teknikal telah diiktiraf oleh UNDOC dalam laporannya berkaitan pematuhan Malaysia ke atas Konvensyen PBB Berkenaan Pencegahan Rasuah (UNCAC).

Modul dikendalikan oleh tenaga pakar dari Malaysia dan luar negara, termasuklah Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed yang juga merupakan Naib Presiden Persatuan Pihak Berkuasa Anti Rasuah Antarabangsa (IAACA) dan Naib Pengerusi Lembaga Pentadbir IACA; bekas Timbalan Pesuruhjaya ICAC Hong Kong, Daniel Li; Penyelaras Program IACA, Professor Alan Doig; Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Azam Baki; Pengarah Bahagian Forensik SPRM, Datuk IG Chandran dan Pensyarah perakaunan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Dr. Syed Noh Syed Ahmad.

Dalam temu bual bersama media tempatan, Prof Doig dipetik berkata, Malaysia khususnya MACA dipilih kerana pengalaman dan kemudahan yang ada di MACA untuk mengenalikan modul keenam MACS. Malah katanya, MACA terkenal sebagai akademi latihan komprehensif yang menyentuh pelbagai bidang iaitu operasi, siasatan, pencegahan dan modal insan. Sehubungan itu, beliau berpendapat, negara rantau Asia Tenggara patut menghantar pegawai pencegahan rasuah mengikuti latihan di MACA kerana memiliki sumber yang lengkap dari segi latihan kepakaran dalam mengendalikan aktiviti pencegahan rasuah.

Pada hari terakhir program berkenaan, para peserta telah menghadiri *Executive Forum* bertemakan *Political Will: National, Regional and International* yang telah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan; Dekan IACA, Martin Kreutner dan Pengarah Eksekutif Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia, Steward Forbes.

YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya sebagai tenaga pengajar dalam modul 6 MACS di MACA.



YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri turut hadir sebagai panel Executive Forum untuk peserta MACS.

Prof Alan Doig, Penyelaras Program IACA turut menjadi salah seorang tenaga pengajar

Program CeLO Antarabangsa

CIDC juga telah melaksanakan Program Pegawai Integriti Bertauliah Antarabangsa dari 13 hingga 28 Oktober. Program siri kedua ini mendapat penyertaan yang banyak iaitu seramai 13 peserta berbanding dengan tahun yang terdahulu iaitu hanya sembilan peserta. Peserta terdiri daripada warga Singapura, Brunei, Maldives, Fiji, Zambia dan Azerbaijan. Bagi meningkatkan mutu pengajaran dan kualiti pengetahuan. CIDC telah menjemput empat penceramah luar negara iaitu Dr. Zeger Ven Der Wal (National University of Singapore), Martin Polaine (UK Global Centre), Mike Douglas Simon dan Dr. Mark Lovatt (Transparency International Malaysia).

Peserta Program CeLO didedahkan kepada empat komponen modul iaitu Modul Pengenalan Integriti, Modul Perundangan dan Peraturan, Modul Pematuhan dan Pemantauan dan Modul Pembentukan Pelan Integriti. Modul-modul ini membolehkan mereka mengikuti program ini dengan sistemik dan dinamik selaras dengan objektif yang ditetapkan.



Pengarah MACA bersama peserta CeLO Antarabangsa

Ulasan Peserta Program CeLO Antarabangsa Tahun 2014



"Certified Integrity Officer Programme For International Participants 2014 is the best Programme that I had attended. The module is very comprehensive and I benefitted from this programme. Well done MACA"

Mr. Filimoni Daveta Taubale
Fiji Anti Corruption Commision Againt Corruption



"This is very good course should be attend by those practitioners in the line of holding and promoting integrity. I have learn a lot of basic and advance stuff of how to promote values of integrity to common people. I'm sure MACA will continue this course and invite a participants from the world"

Mr. Muhammad Hisham Sulaiman
Anti-Corruption Bureau Brunei



The expertise in the lecturing is very excellent. We can share actual an good knowledge. Good job MACA!!!

Mr. Raymond Banda
Anti-Corruption Commission Zambia

Penganjuran Kursus-Kursus

Seperti tahun-tahun sebelum ini, MACA juga menganjurkan kursus-kursus bagi peserta antarabangsa melalui Kluster Pengajian Antarabangsa. Pada tahun 2014, MACA telah menganjurkan 14 kursus yang disertai 321 peserta. Antara kursus tersebut ialah *Training on Corruption Offences and Investigation of Financial Workshop* yang berlangsung dari 24 Februari hingga 14 Mac. Ia disertai 26 pegawai dari Jabatan Peguam Negara Afghanistan. Kandungan kursus dirangka khusus bagi memenuhi permintaan Jabatan Peguam Negara Afghanistan yang mahu meningkatkan kefahaman dan pengetahuan berkenaan dengan trend kesalahan rasuah, teknik siasatan kewangan menggunakan kaedah forensik. Afghanistan melahirkan rasa puas hati atas komitmen MACA dalam menyediakan kursus tiga minggu ini.

MACA turut mengadakan kursus khusus bagi pegawai-pegawai dari Mesir. *Training Program on Prevention Measures in Fighting Corruption* untuk Pihak Berkuasa Kawalan Pentadbiran (ACA) telah disertai oleh 10 pegawai dari 10 Mac hingga 14 Mac. Para peserta telah diberi kefahaman secara mendalam mengenai aspek pencegahan rasuah, meningkatkan integriti, tanggungjawab masyarakat dalam melawan rasuah, pengalaman Malaysia dan SPRM dalam membasmi rasuah serta peranan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) di Institusi Pengajian Tinggi. Selain kursus lima hari dalam kelas, peserta juga telah dibawa untuk melawat Pejabat Ketua Pegawai Integriti Petronas.



PKPj Ch'ng Soon Eng sebagai tenaga pengajar dalam penganjuran kursus pegawai-pegawai Mesir.





KEMAHIRAN MANTAP OPERASI GEMILANG

MACA menyediakan platform yang sesuai untuk pegawai-pegawai SPRM meningkatkan tahap profesionalisme dalam kerjaya di samping memantapkan imej sendiri.

Untuk memantapkan penguasaan dalam bidang kemahiran operasi, MACA menyokong pelaksanaan transformasi operasi melalui penganjuran latihan dalam bidang forensik dan kewangan sektor swasta.

MACA berperanan membangun dan memperkemaskan program latihan mengikut arus perkembangan semasa supaya lebih sistematik dan berkesan. Selaras dengan program transformasi SPRM, MACA turut membangunkan program latihan yang berimpak tinggi dan menjadi lebih efektif dalam penyampaian program latihan kepada kumpulan sasaran. Setiap program latihan yang dibangunkan dikendalikan secara efisien supaya kapasiti dan kapabiliti modal insan sektor awam dan swasta dapat diperkasakan. Pada masa yang sama, MACA turut menyelaras kursus penyiasatan dengan kerjasama institusi-institusi latihan penguatkuasa dalam dan luar negara.

Pengurusan Penyiasatan Berpasukan – Merealisesi Transformasi Operasi SPRM

Pengurusan Penyiasatan Berpasukan (MTI) merupakan program transformasi operasi bagi memastikan kerja penyiasatan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien. Sehubungan itu, MACA terus mendapat mandat bagi memastikan inisiatif ini difahami dan dibudayakan ketika menjalankan kerja-kerja siasatan. Justeru, pada tahun 2014 MACA telah menjalin kerjasama dengan Bahagian Operasi Khas (BOK) dengan menganjurkan dua Kursus Aplikasi MTI iaitu di Bukit Tinggi, Pahang mulai 19 hingga 12 Oktober manakala di UiTM Dungun, Terengganu dari 20 hingga 22 Oktober. Ia melibatkan seramai 110 pegawai penyiasat SPRM. Kursus ini menekankan kepada pelaksanaan MTI secara berkesan agar sesuatu kes dapat disiasat dengan cepat dan secara profesional di mana ia akan membantu meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM.



Peserta kursus Bahagian Operasi Khas bergambar bersama YBhg. Dato' Sri Hj. Mohd Shukri Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM.

Program Latihan Dalam Sektor Swasta Memperkasakan Pegawai Penyiasat

MACA terus mengorak langkah dalam memperkasakan pegawai penyiasat SPRM dengan menganjurkan program-program yang berimpak tinggi. Meningkatkan tahap profesionalisme dan kemahiran pegawai penyiasat SPRM terus menjadi keutamaan agar tugas penyiasatan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Sehubungan itu, Kursus Penyiasatan Sektor Swasta (PSI) telah diperkenalkan pada tahun 2014. Seramai 30 pegawai penyiasat SPRM yang terpilih telah didedahkan dengan latihan dalam empat modul secara berasingan.

Objektif penganjuran program ini adalah hasil kerjasama yang telah dijalinkan dengan perkongsian pengalaman dan kepakaran bersama Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan PETRONAS. Impak daripada penganjuran kursus ini, pegawai penyiasatan dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di samping membuka jalinan kerjasama dengan pihak swasta.



Pengarah Siasatan SSM berkongsi pengalaman dengan para peserta.

Profesionalisme Pegawai Integriti Agensi Luar Diperkukuhkan

Menjadi fokus MACA untuk mempertingkatkan pengetahuan dalam bidang penyiasatan bagi pegawai integriti agensi luar menjadi fokus MACA dengan menganjurkan Kursus Asas Penyiasatan Untuk Pegawai Integriti Agensi/Jabatan Luar. Kursus kali pertama ini telah berlangsung dari 28 hingga 30 April dan dihadiri oleh 27 pegawai integriti agensi luar.

Dalam program ini peserta didedahkan dengan modul tugas pegawai penyiasat, pengendalian aduan/maklumat, menemu bual dan merakam percakapan saksi dan suspek, pengurusan kertas siasatan dan pengendalian eksibit. Antara agensi yang mengambil bahagian adalah Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kerajaan Negeri Kedah, Amanah Raya Berhad, Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Amanah Rakyat, DiGi, Kementerian Pertahanan, Jabatan Muzium Negara, Sapura, Jabatan Tenaga Kerja dan Lembaga Zakat Selangor. Maklum balas yang diterima amat baik kerana mereka tidak pernah didedahkan dengan ilmu penyiasatan sebelum ini. Peserta-peserta yang dinilai menyifatkan kursus ini amat baik dan patut diadakan lagi.



Ketua Kluster Perisikan berinteraksi dengan peserta mengenai subjek pengendalian aduan/maklumat.

Bidang Forensik Memantapkan 'Skill' Pegawai Penyiasat

MACA juga telah diberi mandat untuk menjalankan kursus berkaitan kemahiran dalam bidang forensik seiring dengan program inisiatif transformasi. Sehubungan itu, MACA telah mengambil inisiatif menganjurkan Kursus Pengenalan Kepada Forensik Elektrikal dan Mekanikal mulai 10 hingga 13 Mac dan Kursus Pengenalan Kepada Forensik Minyak dan Gas (6 hingga 9 Mei). Kedua-dua kursus ini pertama kali dianjurkan bagi memantapkan kemahiran dan kepakaran pegawai penyiasat agar memperoleh pengetahuan mengenai industri minyak dan gas, serta bidang elektrikal dan mekanikal. Kursus ini masing-masing dihadiri oleh 23 pegawai penyiasat SPRM.

Tenaga pakar dalam industri minyak dan gas dari Ranaco Marine Sdn. Bhd manakala tenaga pakar elektrikal dan mekanikal dari Kumpulan IKRAM telah mengendalikan kursus ini yang dilihat amat relevan dengan bidang tugas SPRM. Secara keseluruhannya kandungan kursus ini disifatkan amat baik. Analisis menunjukkan tahap kefahaman peserta telah meningkat dari 10% sebelum kursus kepada 88% selepas kursus. Para peserta juga berpuas hati dengan pelaksanaan kursus ini dan berharap ia dapat diteruskan pada masa akan datang.



Tenaga pengajar dari IKRAM menyampaikan ceramah mengenai konsep elektrikal dan mekanikal kepada peserta.

MACA Hab Latihan Pencegahan Rasuah Agensi Luar Domestik

MACA terus mendapat kepercayaan dari agensi luar dalam mempelajari selok-belok bidang penyiasatan. Ini terbukti apabila pada tahun 2014, MACA melalui Kluster Penyiasatan telah menganjurkan 14 kursus secara *'tailor made'* bagi 14 agensi luar dan dalam negara. Ia menunjukkan peningkatan sejumlah 11 kursus berbanding hanya tiga kursus pada tahun 2013. Kursus-kursus ini adalah atas permintaan agensi-agensi terbabit.

Modul kursus berkisar mengenai peranan pegawai penyiasat, kuasa-kuasa siasatan, menemu bual saksi/suspek, merakam percakapan saksi/suspek, penggeledahan dan penyitaan, pengendalian barang kes dan pengurusan kertas siasatan. Daripada 14 kursus yang diadakan, MACA telah melatih seramai 436 pegawai berbanding 86 orang pada tahun 2013. Peningkatan ini menunjukkan kewibawaan MACA dalam menganjurkan program latihan yang berkualiti. Ekoran sambutan yang positif, MACA komited dalam berkongsi pengetahuan dan pengalaman agar usaha pencegahan rasuah dapat dimainkan oleh semua pihak.

Selain itu, Kluster Penyiasatan turut melaksanakan kursus-kursus lain dalam memperkasakan pegawai penyiasat SPRM. Pelaksanaan kursus-kursus tersebut penting bagi membolehkan setiap pegawai penyiasat SPRM berpeluang mengikutinya. Ia ditawarkan setiap tahun.



Peserta dari Kementerian Dalam Negeri yang mengikuti program.

Memantapkan Pendakwaan, Tingkatkan Sabitan

Pemantapan pegawai-pegawai SPRM dalam bidang perundangan dan pendakwaan diperkasakan dengan jalinan kerjasama strategik dari sudut keilmuan dan perkongsian kepakaran yang dimiliki oleh institusi-institusi pendidikan tempatan seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaya (UM), bahkan turut melibatkan agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Jabatan Kehakiman melalui penganjuran program kursus yang menjurus kepada bidang perundangan.

MACA meneruskan program kursus selaras dengan program transformasi, ini termasuk dua daripada 13 program kursus yang telah diadakan dengan kerjasama strategik bersama institut pengajian tinggi awam yang telah dianjurkan oleh Kluster Perundangan dan Pendakwaan.

Keseluruhan program yang dianjurkan dapat meningkatkan serta memantapkan tahap kefahaman dan kemahiran pengendalian sistem perundangan mahkamah kepada para peserta.

Bengkel Pengenalan Undang-undang Komersial (Kontrak, Perbankan, Syarikat dan Perkongsian) Dengan Kerjasama Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya

Kluster Perundangan dan Pendakwaan telah menganjurkan Bengkel Pengenalan Undang-undang Komersial (Kontrak, Perbankan, Syarikat dan Perkongsian) mulai 27 hingga 29 Mei dengan kerjasama Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya. Peserta diberi penekanan ke atas konsep undang-undang yang diguna pakai oleh sistem perbankan Malaysia, undang-undang syarikat dan perkongsian, undang-undang kontrak serta kesalahan *fraud*, perubahan wang haram dan liabiliti jenayah/remidi serta hak kerahsiaan. Bengkel ini diadakan oleh 27 pegawai SPRM dan Timbalan Pendakwa Raya.



Sesi soal jawab antara peserta kursus dengan Timbalan Pendakwa Raya.

Bengkel Undang-undang Keterangan Dokumentar (kerjasama IFS UiTM)

Jalinan kerjasama turut diadakan bersama Institut Forensik Sains, Universiti Teknologi Mara, yang menyaksikan penganjuran Bengkel Undang-undang Keterangan Dokumentar. Seramai 20 pegawai SPRM telah menyertai bengkel ini yang berlangsung mulai 23 hingga 24 September. Bengkel ini memfokus konsep dan pemakaian undang-undang dokumentar dalam aspek dokumen yang diperolehi dari komputer atau peralatan elektronik, peranan saksi pakar dalam memberi keterangan serta peranan pakar berkenaan kerelevanan dan kebolehterimaan di mahkamah, beban pembuktian, anggapan dan standard pembuktian yang diguna pakai.



Sesi ceramah semasa Bengkel Undang-undang Keterangan Dokumentar

Bengkel Kemahiran Kepeguaman: Isu-isu Semasa

Kluster Perundangan dan Pendakwaan juga telah menganjurkan Bengkel Kemahiran Kepeguaman: Isu-isu Semasa. Bengkel telah dihadiri oleh 24 Timbalan Pendakwa Raya dan 12 Pegawai Pendakwa SPRM. Mereka telah dibekalkan dengan keperluan semasa bagi seorang pegawai pendakwa yang profesional di mahkamah. Modul yang diberi pendedahan dalam bengkel ini berkaitan dengan pemerhatian kepada konsep dan amalan sistem perbankan dan institusi kewangan daripada aspek prosedur dan dokumentasi, pengurusan dan pemeriksaan balas ke atas saksi, metodologi kes serta pendedahan kepada forensik komputer. Peserta turut mendapat pengetahuan dan kefahaman yang mendalam mengenai aspek teknik-teknik keperluan sebagai pegawai pendakwa memandangkan tenaga pengajar yang berpengalaman dari Akademi Maybank, Affin Bank, Jabatan Peguam Negara, Hakim Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur dan Juruperunding Forensik Komputer.

Kursus Keterangan Rakan Sejenayah & Ejen Provokator

Ketika proses penyiasatan SPRM, penggunaan ejen penyamaran banyak membantu dalam menjayakan operasi siasatan dan risikan yang dilakukan. Justeru, keterangan daripada ejen dalam proses perundangan dan pendakwaan mahkamah diperlukan dalam pembuktian kes. Seramai 31 pegawai SPRM dan seorang Timbalan Pendakwa Raya telah menghadiri kursus ini dengan memberi pendedahan kepada isu-isu yang berhubung kait dengan pemakaian undang-undang ejen provokator dan rakan sejenayah berhubung kait dengan soal perundangan dalam memberi keterangan yang berkesan di mahkamah dan langkah mengatasi persoalan pembelaan daripada pihak tertuduh. Modul kursus ini turut menerangkan dan menterjemahkan hala tuju operasi *undercover* serta cabaran dan pendekatan terbaik yang diperlukan oleh seseorang ejen provokator dari sudut perundangan. Kursus yang diadakan pada 26 hingga 28 Ogos ini dapat meningkatkan keberkesanan peranan dan tugas pegawai SPRM bagi memperoleh keterangan dan bukti semasa melakukan tugas-tugas siasatan dan risikan.



Sesi soal jawab antara peserta dengan Timbalan Pendakwa Raya.

Teknologi i2 Memperkasakan Operasi Perisikan

Sejajar dengan program transformasi operasi SPRM dan perkembangan teknologi semasa, Kluster Perisikan MACA dengan kerjasama Prisma Khas Sdn. Bhd telah menganjurkan kursus aplikasi teknologi i2 Notebook 8.9.5 kepada pegawai-pegawai perisikan. Kursus ini memberi pendedahan kepada pegawai perisikan berkaitan kaedah menganalisis panggilan telefon, menganalisis maklumat kewangan, mengesan penipuan dan 'family tree'.

Dengan bantuan kepakaran tenaga pengajar, para peserta telah dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan perisian i2. Secara tidak langsung, tahap keyakinan masyarakat dapat dipertingkatkan apabila pegawai perisikan dapat melaksanakan tugas dengan lebih sistematik dan efektif.



Interaksi dua hala antara penceramah, Cik Hazidah Haidar dengan peserta.

Teknologi Remote Sensing dan Geography Information System (GIS) Memantapkan Operasi Perisikan

MACA terus diberi mandat untuk melaksanakan kursus yang berkaitan dengan kemahiran penggunaan teknologi satelit seiring dengan program transformasi operasi SPRM. MACA melalui Kluster Perisikan telah menganjurkan Kursus Pengenalan dan Kursus Lanjutan 'Remote Sensing and Geography Information System' (GIS). Kursus ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM).

Kursus ini telah memberi manfaat kepada peserta apabila dapat mengaplikasikan teknologi *Remote Sensing* dan GIS dalam operasi perisikan. Teknologi ini menggunakan satelit bagi mengumpulkan maklumat dan pemerhatian mengenai permukaan bumi dari jauh. Peserta telah diberikan latihan secara 'hands on' dan secara langsung telah mewujudkan 'networking' dengan tenaga pengajar.



Peserta sedang mendengar penerangan terperinci daripada Dr. Mohd Kamal Azidy Musa tenaga pengajar dari ARSM.

Forensik Siber Menjadikan Tugas Perisikan Lebih Efisien

Perisian teknologi maklumat semakin hari dikemas kini dan diperbaharui bagi memastikan penggunaannya memenuhi kehendak semasa. Justeru, bagi meningkatkan tahap profesionalisme pegawai perisikan dalam bidang teknologi maklumat, MACA dengan kerjasama Institut Sains Forensik, UiTM telah menganjurkan Kursus Forensik Siber mulai 14 hingga 16 Oktober. Kursus yang julung kali diadakan ini telah memberi pendedahan kepada peserta dengan penggunaan sistem 'stylometric' untuk menganalisa e-mail dan perbualan telefon.

Selain itu, tenaga pengajar yang berpengalaman dan modul kursus yang komprehensif telah dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan perkakasan dan perisian untuk mendapatkan maklumat melalui media sosial.

Pemanduan Defensif Melancarkan Tugas Intipan

Melihat kepada tugas risikan yang mencabar dan berisiko tinggi terutamanya ketika di jalan raya, MACA telah menganjurkan Kursus Lanjutan Pemanduan Defensif. Kursus ini diadakan dengan kerjasama Maktab Teknik PDRM Bakri. Ia disertai oleh 11 pegawai perisikan yang pernah menghadiri Kursus Asas Pemanduan Defensif.

Pemanduan defensif merupakan teknik pemanduan dan kawalan bagi mengelak daripada terbabit dengan kemalangan. Kursus ini telah meningkatkan tahap keyakinan dan kemampuan kawalan ketika dalam keadaan kecemasan. Ini menjadikan tugas perisikan, khususnya intipan dapat dilaksanakan dengan efektif dan selamat.



Peserta mengikuti latihan pemanduan.

Seminar Psikologi Dalam Siasatan

MACA Wilayah Timur telah menganjurkan Seminar Psikologi Dalam Siasatan dari 6 hingga 8 Mei. Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 25 pegawai kanan SPRM gred P42 hingga P52. Mereka terdiri daripada Ketua Siasatan Negeri, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Siasatan Ibu Pejabat dan juga Ketua Cawangan Negeri. Beberapa pakar dalam bidang psikologi telah dijemput bagi mengendalikan seminar ini iaitu pensyarah Universiti Malaysia Terengganu. Keistimewaan seminar ini adalah mereka diberi pendedahan tentang bagaimana memahami tabiat manusia semasa berhadapan dengan pelangan.



Peserta Seminar Psikologi Dalam Siasatan di MACA Wilayah Timur.

MACA menyokong agenda pengukuhan tadbir urus dalam pemantapan integriti melalui penganjuran latihan. Selain latihan, MACA turut membantu agensi awam dan swasta dalam pembangunan modul latihan berkaitan tadbir urus dan integriti. Selain itu, MACA juga menyediakan khidmat nasihat dan rundingan mengenai etika dan integriti kepada agensi-agensi Kerajaan, Swasta dan GLC.

MACA Memperkasa Usaha Lestarikan Integriti Negara

MACA melalui Kluster Pembangunan Integriti Korporat (CIDC) meneruskan mandat melahirkan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) bagi memperkasa agenda integriti negara. Dalam hal ini, Program CeIO merupakan inisiatif bagi memupuk budaya integriti, sekali gus membantu usaha memerangi jenayah rasuah. MACA berharap Pegawai Integriti Bertauliah yang dilahirkan mampu menjalankan tanggungjawab meningkatkan dan membudayakan nilai integriti di organisasi mereka ditempatkan. Tahun 2014 memperlihatkan sambutan ke atas Program CeIO terus meningkat. MACA menerima permohonan penyertaan yang berganda dari pelbagai agensi awam dan swasta serta komuniti antarabangsa. Bilangan Program CeIO pada tahun 2014 telah meningkat kepada lima siri termasuk Program CeIO Eksekutif dan CeIO Antarabangsa berbanding hanya tiga pada tahun 2013.

Penganjuran Program CeIO Bersiri merupakan program dikhususkan kepada peserta dari pelbagai Kementerian, Jabatan Kerajaan, Badan-Badan Swasta, Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Kerajaan Negeri. Tiga CeIO bersiri telah diadakan pada tahun 2014, iaitu:



Salah satu komponen penting dalam CeLO dan wajib disertai oleh peserta program ialah *Enhancing Integrity Project* (EIP). EIP merupakan satu subjek keperluan pengiktirafan dalam Program CeLO. Antara projek-projek EIP yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

1 Peserta Program CeLO Siri 6 Bil.1/2014 telah mengadakan EIP, yang bertemakan Integriti Memartabatkan Nasib Kanak-kanak dan Remaja Terasing Dijulang. Program ini melibatkan kanak-kanak remaja kawasan Chow Kit di Kuala Lumpur Crash Pad di bawah kelolaan Yayasan Chow Kit. Seramai 31 penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia telah bertindak sebagai *Protege* projek ini yang diadakan selama tiga hari bermula 7 Mac. Ia dirasmikan oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Projek ini diadakan untuk menyemai nilai-nilai murni dan budaya integriti dalam setiap anggota masyarakat, terutama golongan muda dan memberi kesedaran kepada remaja bahawa mereka juga merupakan warga penting ke arah membangunkan sebuah negara bangsa berkualiti, beretika, berintegriti dan berdaya tahan.

2 Dalam pada itu, projek EIP CeLO Siri 7 yang bertemakan Pemeliharaan dan Pemulihan Warisan Geologi Tanjung Balau telah diadakan dari 9 hingga 11 Mei di Tanjung Balau, Johor sebagai satu inisiatif menghargai warisan geologi dan alam sekitar. Para peserta dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Warisan Geologi Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia merumuskan beberapa penemuan khazanah alam pesisir pantai Tanjung Balau yang berusia berjuta tahun. Meskipun usaha mempromosikan Tanjung Balau telah bermula sejak 1990-an, namun terhenti pada tahun 2006. Justeru, para peserta telah menggunakan peluang ini untuk melahirkan semula kesedaran mengenai kepentingan melestarikan khazanah alam semula jadi kerana ini juga merupakan salah satu aspek penting dalam budaya berintegriti. Projek ini melibatkan Komuniti Tanjung Balau, pengurusan dan warga KEJORA serta 30 *protege* yang terdiri daripada kalangan penuntut Kolej Profesional MARA, Tanjung Balau.

3 Projek EIP CeLO Siri 8 pula bertemakan Memartabatkan Integriti, Melestarikan Ekopelancongan. Projek tiga hari bermula 25 September ini diadakan bagi meningkatkan kesedaran mengenai pemeliharaan ekopelancongan dan biodiversiti di Tasik Kenyir, Terengganu yang menjadi pusat pelancongan. Seramai 30 penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu mengambil bahagian sebagai *protege*, di mana mereka berperanan sebagai pewaris kelestarian integriti dengan mewarwarkan kepada golongan muda dan mengamalkan nilai integriti dalam kehidupan harian.

Dengan menyertai EIP para peserta berpeluang menilai kehidupan sebenar dengan memupuk serta mengamalkan nilai-nilai integriti. Bermakna Program CeLO dalam mengadakan pembabitatan masyarakat pelbagai lapisan ke atas menjadikan berintegriti sebagai satu budaya penting bagi memerangi rasuah.



YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika menyempurnakan majlis perasmian projek EIP CeLO Siri 6 Bil. 1/2014.



Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Geologi di Tanjung Balau, Johor oleh peserta CeLO Siri 7.

Testimoni CeLO Bersiri (Tempatan)



“Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeLO) adalah adalah program yang unik dan berjaya menggarapkan serta memanfaatkan pelbagai kepakaran individu, budaya kerja dan pengalaman organisasi pelbagai sektor. Program ini amat berpotensi dan bersifat ke hadapan dalam usaha melestarikan agenda integriti sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa”.

Lt Kol. Ahmad Yusof
Pengkulu CeLO Siri 6 Bil 1/2014



“Program Pegawai Integriti Bertauliah adalah program yang dinamik. Satu proses pembelajaran dalam pekerjaan yang mencakupi banyak bidang dalam sektor awam dan swasta. Peserta juga dapat mewujudkan jaringan hubungan sesama mereka dalam proses mengaplikasikan pengetahuan dalam pekerjaan sebenar”.

Mohd Muneer Hj. Mohd Nor
Pengkulu CeLO Siri 7 Bil 2/2014
Ketua Pegawai Integriti SUK Kelantan



Modul program yang disediakan amat mencakupi pelbagai bidang yang berkait tugas sebagai CeLO. Usaha murni dan inisiatif SPRM merupakan langkah terbaik dan menepati masanya dalam memastikan negara kita menuju ke mercu integriti yang terunggul.

Zalidi Abdul Rahim
Pengkulu CeLO Siri 8 Bil. 3/2014
Ketua Unit Integriti PWTC

CeLO Eksekutif Tingkatkan Kualiti Pegawai Kader SPRM

Program Pegawai Integriti Bertauliah Eksekutif Siri 1 Tahun 2014 merupakan program yang julung kali diadakan bagi melatih seramai 46 pegawai SPRM dan pelajar lepasan Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) SPRM-UKM. Program dilaksanakan dari 24 Februari hingga 1 Mac. Ia merupakan satu inisiatif bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai SPRM yang ditempatkan secara kader di agensi-agensi Kerajaan sebagai Ketua Unit Integriti selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013. Penerimaan kemahiran yang dimiliki oleh CeLO dalam merancang dan melaksanakan program integriti di agensi-agensi merupakan satu pengiktirafan yang begitu bermakna kepada MACA.

Secara keseluruhannya seramai 56 orang tenaga pengajar dari pelbagai agensi sektor awam dan swasta terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini. Kepakaran tenaga pengajar yang terdiri daripada pegawai SPRM, Institut Integriti Malaysia, BEIM, SSM, MICG, UKM, UPM, MOF, TI, BANK NEGARA, Jabatan Audit Negara, PDRM dan JPA telah digabungkan bagi memastikan kualiti modul.

Penganjuran program oleh Kluster Pembangunan Integriti Korporat (CIDC) pada tahun 2014 telah menunjukkan peningkatan. Jumlah penyertaan sektor awam dan swasta telah meningkat dari 76 orang pada tahun 2013 kepada 152 orang pada tahun semasa. Peningkatan seratus peratus ini merupakan indikator penting bahawa program anjuran MACA semakin mendapat permintaan.

Ikrar Integriti Korporat



PETRONAS menjadikan CIDC sebagai pusat yang menerajui latihan kepada vendor-vendor yang berurusan secara langsung dalam pembekalan, pembangunan dan pelbagai urusan niaga bersama syarikatnya. Sebanyak tujuh siri program melibatkan 432 peserta, dengan penerapan elemen integriti dalam melaksanakan sebarang urusan niaga dan urusan tadbir. Topik program antara lain memfokus kepada soal kesalahan-kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, *No Gift Policy*, *Whistle Blower Act* serta Pencegahan Rasuah Melalui Kawalan Sistem. Peserta juga dibawa melawat Bilik *Video Interviewing Room (VIR)* dan *Moot Court*.



Tenaga Nasional Berhad - Hasil kesepakatan MACA dan Bahagian Hal Ehwal Dalaman, Tenaga Nasional Berhad (TNB) program kesedaran integriti bagi vendor syarikat itu telah diadakan sebanyak empat kali. Program ini diadakan bermula bulan April sehingga Mei. Langkah ini berjaya melatih seramai 126 vendor yang berdaftar dengan TNB. TNB bercadang untuk mengadakan program seumpama ini pada tahun 2015 dan berhasrat menjadikan program integriti sebagai salah satu aktiviti tetap dengan dimasukkan dalam jadual latihan tahunan TNB.



Kerajaan Negeri Kelantan - Bagi meningkatkan keupayaan tadbir urusan organisasi, CIDC diberi kepercayaan oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk mengadakan Program Latihan Pengukuhan Integriti kepada pegawai-Pegawai Tadbir Negeri (PTN) seluruh Negeri Kelantan. Program yang berlangsung selama lima hari bermula pada 18 Ogos disertai seramai 35 peserta.

Konvokesyen Kali Ketiga Pegawai Integriti Bertauliah

Konvokesyen Kali Ketiga CeLO telah diadakan pada 10 April 2014 bagi mengiktiraf seramai 75 CeLO yang telah menjalani latihan sepanjang tahun 2013. Konvokesyen yang berlangsung ini telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di mana ia disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara. Dalam ucapannya Ketua Setiausaha Negara antara lain berkata, Program CeLO merupakan landasan yang terbaik dalam mencapai dan meningkatkan integriti individu dan organisasi secara khususnya. Peranan dan kehadiran CeLO bukan sahaja akan menjadi pemangkin kepada pembangunan dan pemantapan integriti, tetapi jua memperlihatkan usaha dan kesungguhan Kerajaan dalam menjana dan mengerakkan pelbagai dasar dan program bagi memerangi rasuah. Sehubungan itu beliau mahu Ketua-ketua Jabatan memastikan pegawai-pegawai mereka yang telah mengikuti Program CeLO ditempatkan di Unit Integriti masing-masing bagi memberi lebih penekanan dan fokus kepada usaha pemantapan integriti secara berterusan.



KPKPj Saiful Ezral menerima sijil dari YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara dalam Majlis Konvokesyen Kali Ketiga CeLO di PICC.



Pegawai Integriti Bertauliah bergambar bersama Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara pada Majlis Konvokesyen Ke-3 yang diadakan pada 10 April 2014 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) Menembusi Peringkat Antarabangsa

Seramai 20 penuntut dari Kumpulan Keempat Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) Sesi 2012/2013 yang telah mengikuti program ini dari 18 Februari 2013 hingga 17 Ogos 2014 telah menerima ijazah masing-masing pada November 2014. Dalam pada itu, penyertaan program pada tahun 2014 agak unik kerana pertama kali melibatkan penyertaan penuntut antarabangsa iaitu dari Brunei Darussalam. Program sepenuh masa yang diadakan di Kampus Induk UKM, Bangi dengan kerjasama MACA telah berjaya merealisasikan hasrat Kerajaan Malaysia bagi mempertingkatkan tahap pencapaian akademik dalam bidang pencegahan rasuah dan pemantapan integriti. Peningkatan penuntut dari semasa ke semasa menunjukkan program ini berupaya meraih keyakinan masyarakat terhadap usaha SPRM memerangi jenayah rasuah.

Pada tahun 2014, penuntut juga telah mengadakan Projek Penanda Arasan di New Zealand bertujuan mendapatkan idea dalam memperkukuhkan usaha pencegahan rasuah di Malaysia. Negara yang dikunjungi mestilah negara yang berada di kedudukan terbaik dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI). Antara negara yang telah dilawati ialah Singapura; Hong Kong; New South Wales, Australia dan New Zealand. Lawatan ini membolehkan mereka memahami dan memperoleh idea daripada negara-negara yang mempunyai imej yang bersih berkaitan rasuah dan kedudukan integriti yang tinggi, selain menilai amalan terbaik yang boleh diguna pakai di negara Malaysia.



Penuntut Kumpulan Keempat Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) bergambar bersama Prof Dr Rahimah Abdul Aziz selepas Majlis Konvokesyen pada 4 November 2014.



Delegasi turut mengunjung Kedutaan Malaysia di New Zealand.



Lawatan ke New Zealand Ombudsmen Office.



**MODAL INSAN CEMERLANG
INTEGRITI UNGGUL MENJADI TUNJANG**

Modal insan yang MACA bangunkan tidak hanya dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran semata-mata, namun ia diperkukuhkan dengan akhlak yang terpuji dan nilai-nilai murni. Aspek akhlak, budi pekerti, integriti, amanah dan nilai-nilai murni adalah komponen yang amat penting dalam membina warga kerja yang kompeten, seterusnya menjadi negara bangsa berjaya dan cemerlang terutamanya di dalam perkhidmatan awam.

Integriti mungkin dianggap satu perkara yang mudah. Tetapi hakikatnya ketiadaan integriti hanya pada segelintir individu boleh mendatangkan malapetaka yang besar kepada sesuatu organisasi, masyarakat dan juga negara. Oleh itu, sudah sampai masanya MACA meletakkan pendidikan moral dan akhlak ke arah melahirkan insan yang amanah, berintegriti dan bertanggungjawab.

Modal insan SPRM dibentuk oleh MACA yang juga bertanggungjawab untuk meningkatkan profesionalisma tenaga pengajar agar setanding dengan institusi latihan lain. Dalam aspek pengurusan dan profesionalisme juga MACA merancang pembangunan modal insan supaya lebih kompeten dalam pelaksanaan tugas.

Mewujudkan Pembangunan Kepimpinan Strategik

Intipati bagi kejayaan sebuah organisasi

Seperti organisasi-organisasi lain, SPRM juga bergantung kepada kepimpinan yang mampu untuk mendorong organisasi kepada perubahan yang tidak pernah terjadi sebelum ini. Kepimpinan tersebut berkeupayaan untuk menghadapi kesukaran dalam keadaan *Volatility, uncertainty, complexity*, dan *ambiguity* atau dengan kata mudahnya ia merujuk kepada Dunia VUCA, yang memerlukan wawasan dan ketangkasan. Pemimpin hari ini memerlukan kemahiran terkini bagi menangani cabaran-cabaran hari ini dan pada masa akan datang.

Sepanjang 2014, MLEC menumpukan kepada pembangunan pemimpin di setiap peringkat dan matlamatnya telah pun tercapai. Kumpulan pertama pemimpin dari setiap peringkat telahpun menghadiri program ini dengan berlandaskan Model *MACC Integrity Based Leadership*. Mereka juga dinilai berdasarkan beberapa petunjuk dan hasil penilaian tersebut dijadikan sebagai rujukan untuk pembangunan kepimpinan yang berterusan.

Menuju ke hadapan, beberapa inisiatif telah ditambah untuk memastikan pertumbuhan kepimpinan berterusan dalam mengukuhkan kekuatan barisan kepimpinan tersebut. Kami juga telah merancang untuk memperluaskan program-program kepimpinan ini ke peringkat kebangsaan dan juga peringkat Antarabangsa.

- Program Pengesahan Jawatan Kepimpinan di peringkat Pemimpin Strategik dan Pemimpin Kanan
 - Program *Integrity Based Leadership* (Antarabangsa)
 - Bicara *Integrity Based Leadership* (Antarabangsa)
 - Program *Integrity Based Leadership* (Kebangsaan)
 - *6D ISD Model In Action For Leaders* (Kebangsaan)
 - *Personal Branding* untuk Usahawan Muda (Kebangsaan)
 - *Integrity Based Leadership* untuk Usahawan Muda (Kebangsaan-MTDC)
 - Penilaian Kepimpinan untuk Perancangan Penggantian (*Succession Planning*)
- ♣ Semua program tersebut akan dianjurkan oleh MLEC / MACA.



Faridah Hanim Haron
Ketua Pembangunan & Kepimpinan Strategik SPRM
Penasihat Pembangunan & Pembelajaran MACA

Melahirkan Warga Kerja Bertaraf Dunia

Pada tahun 2014, Pusat Kecemerlangan Kepimpinan SPRM (MLEC) terus mengorak langkah dengan merangka modul-modul kepimpinan sendiri selari dengan Model Kepimpinan Berasaskan Integriti. Modul-modul ini telah dilaksanakan menerusi kursus kepimpinan melibatkan pelbagai pangkat dan gred di SPRM.

Dalam perkara ini, MLEC telah membangunkan enam Laluan Kepimpinan SPRM yang mana program ini juga dijadikan sebagai rangka kerja untuk mengenal pasti pemimpin-pemimpin masa depan SPRM, menilai kompetensi mereka dan merancang pembangunan kepimpinan secara menyeluruh. Pendekatan ini menjadi pelengkap kepada pelaksanaan inisiatif dalam merangka program. Berikut adalah program kepimpinan yang telah diadakan sepanjang tahun 2014:

Visionary Leaders - Leadership At The Peak (LATP)

Bagi melengkapkan transformasi kepimpinan, program yang dirangka khas bagi pengurusan tertinggi SPRM, yang dinamakan sebagai *'Leadership At The Peak'*, telah diadakan di MACA. Program selama tiga hari ini, bermula 3 Julai, telah dihadiri oleh enam peserta iaitu pegawai gred JUSA B dan ke atas. Program ini dilaksanakan untuk peserta menyelami dan mendalami aspek kepimpinan meliputi aspek seperti *'high performance culture, institutional capabilities'* dan *'tool'* lain dalam kepimpinan. Bengkel ini yang direka khas dengan kaedah, alat dan teknik asas yang penting dalam membina budaya berprestasi tinggi untuk SPRM. Ini akan membolehkan SPRM berdiri teguh dalam menghadapi cabaran dan mengembangkan keupayaan institusi yang mampan. Pemimpin akan mempelajari teknik-teknik yang berkesan dan di hujung program peserta merasakan dirinya sebagai seorang pemimpin yang dilengkapi dengan kemahiran praktikal yang dapat digunakan untuk meningkatkan pencapaian SPRM secara khusus.



Pengurusan Tertinggi SPRM menghadiri Program *Leadership At The Peak*.

Strategic Leaders (JUSA C) - MACC Premier Transformational Leadership

Program *MACC Premier Transformational Leadership* pula telah diadakan dari 7 hingga 10 Mei. Ia telah dihadiri oleh 21 pegawai-pegawai kanan gred JUSA C. Program ini disediakan untuk meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam kepimpinan secara holistik demi mengukuhkan kemahiran kepimpinan yang akan turut mendedahkan pegawai-pegawai kanan kepada cabaran-cabaran yang akan menguji keupayaan serta kefahaman kepimpinan dalam menghadapi situasi yang pelbagai. Di samping itu, program turut menggabungkan dua elemen iaitu penilaian dan pembangunan dan ia terbukti salah satu program yang mencabar yang dikendalikan oleh MLEC.



Pengarah SPRM Bahagian dan Negeri menghadiri Program *MACC Premier Transformational Leadership*.

Senior Leaders - Performance Edge Leadership

Program *Performance Edge Leadership* - P54 pula diadakan dari 17 hingga 20 Jun 2014. Ia dihadiri oleh 29 pegawai kanan gred P54. Program ini bertujuan meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam aspek kepimpinan secara holistik, seterusnya mengukuhkan kemahiran kepimpinan di tahap pengurusan tertinggi. Sepanjang program berlangsung, para peserta telah didedahkan dengan cabaran-cabaran yang akan menguji keupayaan serta ketahanan kepimpinan individu dalam menghadapi situasi yang pelbagai.




Pegawai-pegawai kanan SPRM (P54) menghadiri *Performance Edge Leadership*.

Emerging Leaders - Maximising Your Leadership Potential

Kursus *Emerging Leaders Maximising Your Leadership Potential* telah dilaksanakan dalam dua siri. Siri pertama dari 16 hingga 22 Mac di mana ia telah dihadiri oleh 29 peserta pegawai gred P52 manakala siri kedua dari 2 hingga 12 April 2014, yang mana kumpulan sasarannya adalah pegawai gred P48.

Program ini diadakan untuk meningkatkan kecekapan kepimpinan meliputi bidang-bidang seperti mengaitkan Model Kepimpinan Kompetensi SPRM kepada realiti kehidupan, menganalisis amalan semasa berasaskan kepimpinan berintegriti, kaedah untuk mempengaruhi secara berkesan, mengenal pasti peranan sebagai pemimpin dalam membuat pasukan yang berjaya. Peserta juga dikehendaki menduduki ujian Indikator Perwatakan (IP) secara online, yang diselia oleh Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam.

KAEDAH-KAEDAH PENILAIAN KEPIMPINAN				
	MACC Integrity Based Leadership Competency Assessment			
	Leadership Skills Assessment			
	Emotional Intelligence Test			
	Presentation Assessment			
	Leadership Potential Assessment (Role Play)			
	Howard Gardner Multiple Intelligence Test			
	MBTI Personality Type			
	The 9 Roles of Strategic Leadership Assessment			
Maximising Your Leadership Potential	Premier Transformational Leadership (JUSA C)	Performance Edge Leadership (P54)	The Effective Young Leaders (P44)	Undercovering The Leader in You (P38)



YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA dalam sesi bersama peserta Program *Maximising Your Leadership Potential*.

Young Leaders - The Effective Young Leaders (TEYL)

Program *The Effective Young Leaders (TEYLS)* - P44 telah diadakan dari 19 hingga 22 Ogos dengan penyertaan pegawai gred P44. Program ini diadakan untuk meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam kepimpinan secara holistik bagi mengukuhkan kemahiran kepimpinan yang akan turut mendedahkan pegawai-pegawai kanan kepada cabaran-cabaran yang akan menguji keupayaan serta kefahaman kepimpinan dalam menghadapi situasi yang pelbagai. Program ini melibatkan dua kaedah penilaian untuk mengukur tahap kepimpinan para peserta iaitu Model Kompetensi Kepimpinan SPRM dan model MBTI.



Interaksi dua hala antara penceramah dengan peserta program *The Effective Young Leaders*.

Potential Leader (P38) – Uncovering The Leadership In You

Pada 10 hingga 12 November telah berlangsung Program *Uncovering The Leadership In You*, yang dirangka khas untuk bakal pemimpin SPRM di gred P38. Objektif utama program ini, yang disertai 33 pegawai ialah memberi pengetahuan teori dan praktikal yang diperlukan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan setiap peserta. Peserta dikehendaki melengkapkan profil personaliti sendiri dan perbincangan mengenai topik-topik yang berkaitan, sebagai satu cara untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran. Hasil analisis selepas program mendapati tahap pengetahuan peserta meningkat selepas program iaitu sebanyak 97% daripada sebelum program iaitu 56%.



Peserta program *Undercovering The Leadership In You* mendengar taklimat daripada tenaga pengajar.

Power Presentation Skill For Strategic Leaders (JUSA C)

Lanjutan daripada Program *MACC Premier Transformational Leadership*, MLEC mengambil inisiatif untuk melaksanakan satu program “*POWER PRESENTATION SKILL FOR STRATEGIC LEADERS*” yang direka khas untuk pegawai-pegawai kanan SPRM gred JUSA C bagi memantapkan lagi keberkesanan dalam kaedah penyampaian.

- Menggunakan teknik-teknik tertentu supaya mutu persembahan menarik pendengar
- Mengendalikan soalan yang sukar dengan penuh keyakinan
- Mengetahui teknik penggunaan suara dan pengawalan bahasa badan

Kursus ini telah dihadiri seramai 20 peserta di mana mereka telah didedahkan kepada sembilan modul kursus. Peserta diajar kaedah untuk merancang sesebuah penyampaian menggunakan lapan langkah. Peserta juga didedahkan dengan teknik lontaran suara, “*eye contact*”, penggunaan tangan yang betul dan juga pergerakan yang boleh dan tidak boleh dilakukan semasa sedang menyampaikan ucapan.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2014, MLEC telah berjaya menyahut seruan Pengurusan Tertinggi SPRM dengan melakukan Transformasi kepada pegawai-pegawai SPRM khususnya dengan merangka modul-modul program kepimpinan mengikut Model Laluan Kepimpinan SPRM.



Program *Power Presentation Skill For Strategic Leaders* memantapkan kemahiran pegawai-pegawai kanan SPRM (Gred JUSA C).

Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 15 Bil 1/2014 dan Siri 2/2014

Kursus Asas Pegawai SPRM adalah kursus wajib yang perlu dijalani dan tamat dengan jaya oleh setiap pegawai SPRM yang baru dilantik. Pegawai kadet SPRM yang menjalani kursus ini dikecualikan daripada mengikuti Kursus Induksi Modul Khusus dan Modul Umum seperti ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Pada tahun 2014, seramai 166 pegawai baru telah mengikuti Kursus Asas Pegawai SPRM dalam tiga siri iaitu Siri 15 Bil 1/2014, Siri 16 Bil. 2/2014 dan Siri 17 Bil. 3/2014. Setiap siri diadakan selama 12 bulan seperti yang diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia SPRM (PPSM). Ia merangkumi dua fasa:

MODEL KURSUS ASAS PEGAWAI SPRM

FASA 1 (5 BULAN) Sesi Pembelajaran	FASA 2 (7 BULAN) Sesi Pemantapan & Penilaian
PROGRAM AKADEMIK <ul style="list-style-type: none"> • Modul Induksi Umum • Modul Undang-Undang • Modul Perisikan • Modul Siasatan 	PROGRAM PEMENTORAN <ul style="list-style-type: none"> • Mentor & Menti • Pemantauan Mentor • Tugas Sebenar
PROGRAM PENGUKUHAN NILAI ETIKA <ul style="list-style-type: none"> • Modul Teambuilding • Modul Tauhidik • Modul Pembinaan Karektor • Modul janjiaku • Modul Nilai Murni CSR 1 	PROGRAM PEMANTAPAN <ul style="list-style-type: none"> • Kursus Pemantapan 1 (Kluster Penyiasatan) • Kursus Pemantapan 2 (Kluster Penyiasatan)
PROGRAM KEMAHIRAN & FIZIKAL <ul style="list-style-type: none"> • Modul Latihan Menembak • Modul Kawad • Modul SMD MACC • Modul Jasmani (UKJK) • Modul Sukan 	PROGRAM PENILAIAN KESELURUHAN <ul style="list-style-type: none"> • Teambuilding (2) / CSR (2) • Ulangkaji & Pembentangan Kajian Kes • Ujian Akhir • Perbarisan Tamat Latihan • Pemarkahan Keseluruhan

KEMASUKAN PEGAWAI BARU SPRM 2014

SIRI 15 BIL 1/2014

- Bermula 1 April 2014 hingga 31 Mac 2015
- 54 kadet lantikan baru Gred P29

SIRI 16 BIL 2/2014

- Bermula 1 Oktober 2014 hingga 30 September 2015
- 85 kadet lantikan baru Gred P29

SIRI 17 BIL 3/2014

- Bermula 17 November 2014 hingga 17 Oktober 2015
- 27 kadet lantikan baru Gred P41



Pegawai-pegawai kadet yang baru turut menjalani ujian tapisan kendalian Agensi Anti Dadah Kebangsaan pada hari pertama pendaftaran di MACA.



KPKPs Ahmad Fadlan Mohd Tajuddin dari Kluster Latihan Asas memberikan taklimat kepada pegawai kadet Siri 16 Bil. 2/2014.

Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 13 Bil 1/2013 dan Siri 14 Bil 2/2013

Seramai 96 Kadet Penolong Penguasa Gred P29 Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 13 Bil 1/2013 dan Siri 14 Bil 2/2013 telah diraikan dalam program Perbarisan Tamat Latihan, masing-masing diadakan 27 Februari dan 28 Ogos di SPRM Johor.

Majlis Tamat Latihan disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM. Turut hadir YBhg. Dato' Sri Mohd Shukri Abdul, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), YBhg. Dato' Hj. Zakaria Hj Jaffar, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA, dan anggota keluarga pegawai kadet Siri 13 dan 14.



Pegawai-pegawai kadet diraikan dalam majlis yang berbeza dalam Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 13 dan Siri 14 di SPRM Johor.

Merakyatkan SPRM Melalui Program Anak Angkat

Kluster Latihan Asas menganjurkan Program Anak Angkat melalui pegawai-pegawai kadet untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dan memberi perspektif positif masyarakat terhadap SPRM selaras dengan hasrat pengurusan tertinggi. Program di Kampung Luat Lenggong, Perak berlangsung dari 12 hingga 15 Februari. Ia disertai oleh 42 Pegawai Kadet Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 13 Bil. 1/2013. Program ini turut dijayakan oleh masyarakat dari Kawasan Parlimen Lenggong dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, NKRA dan JKKK Kampung Luat. Langkah ini telah membantu menerapkan nilai-nilai integriti di kalangan masyarakat dan pendedahan tentang usaha pambanterasannya juga diberikan, sekali gus mendekatkan masyarakat dengan SPRM.

Akhir program masyarakat setempat melafazkan 'IKRAR LENGGONG BEBAS RASUAH' yang diketuai oleh Ahli Parlimen Lenggong, YB Dato' Shamsul Anuar Hj Nasarah.



Dua Program Anak Angkat telah diadakan pada tahun 2014 masing-masing di Kampung Luat Lenggong, Perak dan Felda Jengka 14 dan 15 Pahang.



Pegawai kadet bersalaman dengan penduduk kampung di Felda Jengka 14 & 15 Pahang.

Dalam pada itu, program anak angkat di Felda Jengka 14 dan 15 telah berlangsung dari 17 hingga 20 Ogos. Di bawah tema 'Pemeriksaan Kerjaya SPRM', program disertai seramai 54 Pegawai Kadet SPRM Siri 14 Bil. 2/2013. Program selama empat hari ini berjaya menarik perhatian dan penglibatan daripada warga belia, NGO serta penduduk Felda Jengka 14 dan 15 melalui input-input yang memfokus kepada penerapan nilai integriti dan nilai murni serta pendedahan dan penyebaran maklumat berkaitan pambanterasannya rasuah serta kerjaya SPRM.

Penganjuran program telah menampakkan impak yang positif di mana SPRM dan MACA semakin dikenali dan mendapat sokongan masyarakat setempat dalam usaha pambanterasannya rasuah.

MACA Peneraju, Menakluk Kinabalu

Tahun 2014 menyaksikan MACA bukan sahaja menjadi pusat pembelajaran dan latihan, malah mencatatkan sejarah apabila peserta Kursus Kejurulatihan Kecergasan SPRM 2014 berjaya menawan Gunung Kinabalu, puncak tertinggi di Asia Tenggara, pada 25 September. Kejayaan ini dicatatkan oleh pegawai-pegawai SPRM yang mengikuti kursus dari 20 hingga 23 September. Kursus ini diaturkan oleh MACA untuk melahirkan tenaga pengajar yang bertauliah, terutamanya jurulatih dari Kluster Latihan Asas bagi membentuk kadet-kadet yang berkualiti dalam aspek kecergasan.

Pelepasan pendakian 'MACA Peneraju, Menakluk Kinabalu' disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), YBhg. Dato Hj. Zakaria Hj. Jaffar. Hasil dorongan semua pihak, para peserta berjaya menawan Gunung Kinabalu pada pagi 25 September setelah mendaki lebih kurang empat jam dari Laban Rata dan seterusnya mengibarkan bendera SPRM dan MACA sebagai simbolik kejayaan Misi Menakluk Kinabalu.

Pengarah MACA, YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz menyifatkan kejayaan mendaki Gunung Kinabalu sebagai satu detik bersejarah dalam usaha melahirkan tenaga kerja berprestasi tinggi.



Peserta Kursus Kejurulatihan Kecergasan SPRM 2014 di Puncak Gunung Kinabalu.

MACA Terus Komited Memperkasa Prosedur Pengurusan Aset SPRM

Kluster Pencegahan Rasuah dan Pengurusan terus berusaha meningkatkan tahap kecekapan pegawai dan kakitangan SPRM dalam menjalankan pengurusan aset SPRM. Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan (SPA) yang berlangsung di Dewan Kedah MACA dari 25 dan 26 Februari telah disertai seramai 23 pegawai dan kakitangan SPRM Bahagian dan SPRM Negeri seluruh negara, yang mana mereka adalah pegawai dilantik sebagai Pemeriksa Aset. Kursus ini berjaya mencapai objektif utamanya iaitu meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pegawai pemeriksa mengenai Pekeliling Perbenderahaan Bil 5 Tahun 2007 (Tatacara Pengurusan Aset Alih).

